

**SYARAT KEMASUKAN BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN DIPLOMA / SETARAF
SESI AKADEMIK 2019/2020**

Bil.	(i) Program Pengajian (ii) Kod (iii) Tempoh Pengajian	Kelayakan Minimum Diploma/Setaraf
		<p style="text-align: center;">Syarat Am Universiti</p> <p>Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013. Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu kertas Julai diambil kira;</p> <p style="text-align: center;">DAN</p> <p>Mempunyai Diploma UA/Politeknik/IPTS, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti; atau</p> <p>Mempunyai STPM tahun 2017 dan sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dengan Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am; atau</p> <p>Mempunyai sijil Matrikulasi/Asasi tahun 2017 dan sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau</p> <p>Lulusan Sekolah Sukan Malaysia/GCE A-Level/International Baccalaureate Diploma/Australian Matriculation (AUSMAT) serta kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti;</p> <p style="text-align: center;">DAN</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> mengikut tempoh sah laku.</p> <p>(Syarat Khas Program Pendidikan)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Permohonan terbuka kepada Warganegara Malaysia sahaja; b) Calon mestilah lulus dalam mata pelajaran Matematik di peringkat SPM; c) Calon hendaklah berumur tidak melebihi 30 tahun semasa mengemukakan permohonan; d) Calon hendaklah sihat tubuh badan, tidak mengidap apa-apa penyakit mental atau fizikal, dan berupaya mengikuti program-program yang dirangka untuk kursus ini; e) Pemohon yang layak, perlu menduduki Ujian MEdSI dan melepassi tahap minimum Ujian MEdSI, lulus Ujian Khas yang ditetapkan serta diperakukan temu duga sebelum dipertimbangkan untuk ditawarkan ke Program Pendidikan; f) Telah tamat pengajian dengan mendapat keputusan yang telah disahkan oleh Senat Universiti. <p>Nota: Tiada jaminan penempatan di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) selepas calon menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di UA.</p>